



GEMILANG 55
1970 - 2025



G E M I L A N G



KANDUNGAN

01

PRAKATA	2
Pengerusi	2
Ketua Eksekutif	4

02

PROFIL KORPORAT	6
Sejarah Awal Penubuhan	8
Model Koperasi KLB	10
Perubahan & Peristiwa Penting	12
Ringkasan Latar Belakang & Visi, Misi & Strategi	14
Pengerusi KLB (1970 Hingga Kini)	20
Senarai Jawatan Utama Anggota Lembaga KLB (1970 Hingga Kini)	21
Biodata Pengerusi	22
Biodata Ketua Eksekutif	24
Anggota Lembaga Koperasi & Bahagian Pengurusan	26
Aktiviti Ekonomi KLB	28

03

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN 38

Kewangan & Produktiviti	40
Anugerah / Pengiktirafan : Sektor Koperasi & Perladangan	42
Anugerah / Pengiktirafan : Peringkat Antarabangsa	44

04

TRANSFORMASI TADBIR URUS 46

Isu & Cabaran Tadbir Urus	48
Langkah Strategik	50

05

PENGURUSAN LADANG - MODERNISASI & ASPIRASI 58

Kejayaan KLB Dalam Pengurusan Ladang Kelapa Sawit	60
Aspirasi KLB ke Arah Perladangan Lestari	76

06

GALERI 78

Kepimpinan
Didorong oleh Rasa
Tanggungjawab
Terhadap Kelestarian
Kewangan, Sosial
dan Persekitaran
Perniagaan.



PRAKATA

Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat menghasilkan naskah *Coffee Table Book* - "KLB Gemilang 55". Naskah ini diterbitkan untuk merekodkan sejarah Koperasi Ladang Berhad (KLB) sebagai satu komitmen untuk memastikan generasi akan datang, termasuk anggota, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), dan kakitangan, memahami asal usul, perjuangan, dan aspirasi KLB. Tujuan utama penerbitan ini adalah untuk memperkukuh rasa tanggungjawab kita bersama dalam melestarikan kejayaan KLB bagi generasi akan datang, agar mereka dapat meneruskan perjuangan ini dengan tekad yang sama.

Harapan kami agar generasi seterusnya dapat meneruskan usaha ini demi memastikan kesinambungan kejayaan KLB pada masa hadapan.

Semoga penerbitan ini menjadi sumber inspirasi kepada semua anggota koperasi dan kakitangan untuk terus berganding bahu dengan penuh dedikasi dalam merealisasikan visi dan misi KLB, sambil berpegang teguh pada tanggungjawab bersama demi kemajuan koperasi yang mampan.

Bagi memastikan kelangsungan kecemerlangan, saya berharap KLB akan terus meningkatkan kejayaan dalam perniagaan serta memperkasa manfaat kepada anggota dan komuniti.

Seiring dengan era digitalisasi dan globalisasi, KLB komited untuk berinovasi dan beradaptasi dengan perubahan semasa, berkembang dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap kepentingan anggota dan komuniti. Berpegang teguh pada nilai dan prinsip koperasi, KLB akan terus memelihara kebajikan anggota melalui pelbagai inisiatif yang memberi impak positif kepada kesejahteraan sosioekonomi mereka.

Sepanjang 55 tahun beroperasi, KLB telah berjaya melalui proses transformasi dalam pengurusan dan model perniagaan yang beralih fokus ke sektor perladangan kelapa sawit. Oleh itu, pengurusan perlu menerapkan kepimpinan yang berwibawa dan membuat keputusan strategik dengan penuh rasa tanggungjawab, bagi menjamin kelangsungan dan kemajuan koperasi.

Saya yakin bahawa penerbitan *Coffee Table Book* ini akan menjadi sumber aspirasi kepada seluruh warga kerja, ALK, dan anggota koperasi untuk terus memperkukuh komitmen dan sokongan mereka demi memastikan kesinambungan kejayaan KLB pada masa hadapan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dalam menjayakan penerbitan ini sempena sambutan ulang tahun ke-55 KLB.



Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli
Pengerusi

A middle-aged man with dark hair, wearing a dark blue suit jacket over a light blue button-down shirt, stands in front of a dark wood bookshelf. The bookshelf is filled with books of various colors, including yellow, red, and green. The man is looking directly at the camera with a neutral expression.

“Di era digital ini,
produktiviti dan
kecekapan adalah
keperluan. Dengan
mengintegrasikan
teknologi, kita
akan terus maju,
memaksimumkan
potensi, dan
memastikan
kejayaan
berterusan.”

PRAKATA

Ketua Eksekutif

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan *Coffee Table Book* “KLB Gemilang 55” bersempena sambutan ulang tahun ke-55 Koperasi Ladang Berhad (KLB).

Diharapkan naskhah ini menjadi sumber inspirasi kepada seluruh warga kerja dan anggota koperasi untuk terus memberikan komitmen sepenuhnya dalam mengangkat pencapaian KLB ke tahap yang lebih gemilang.

Untuk mencapai kejayaan yang berterusan, KLB perlu memacu peningkatan kecekapan dan produktiviti operasi harian secara strategik. Setiap sumber yang dimiliki harus dioptimumkan untuk mencipta impak yang signifikan, menjadikan KLB sebagai peneraju dalam sektor ini pada masa hadapan. Dengan usaha gigih dan semangat kerjasama, saya yakin KLB akan mencatatkan kejayaan luar biasa yang memberi manfaat besar kepada semua pihak berkepentingan.

Kejayaan masa depan KLB bergantung kepada keupayaan semua pihak untuk berkembang selaras dengan perubahan dalam industri. Latihan dan pembangunan modal insan yang berterusan menjadi kunci bagi

memastikan KLB dapat menghadapi cabaran dalam era Kemeruapan (*Volatility*), Ketidakpastian (*Uncertainty*), Kerumitan (*Complexity*), and Kesamaran (*Ambiguity*) (VUCA). Oleh itu, KLB perlu kekal terbuka terhadap idea-idea baharu, beradaptasi dengan kemajuan teknologi, serta menggalakkan kerjasama dan komunikasi yang berkesan di setiap peringkat organisasi. Dengan semangat inovasi dan komitmen bersama, KLB akan terus maju dan menjadi peneraju dalam industri.

Seiring dengan aspirasi Pengerusi, pengurusan KLB komited memastikan kebajikan dan kesejahteraan semua pihak diutamakan, menyediakan persekitaran kerja yang kondusif, selamat, dan memberi impak positif kepada kualiti hidup. Tahniat kepada semua warga kerja, Anggota Lembaga Koperasi, dan anggota koperasi KLB atas pencapaian cemerlang yang meletakkan KLB di tempat kelima ‘100 Koperasi Terbaik di Malaysia 2024’. KLB akan terus berusaha memastikan pertumbuhan sektor perladangan kelapa sawit yang mampan, selaras dengan kesejahteraan alam sekitar dan kemakmuran ekonomi.



Mohd Tarmizi Mohd Nordin
Ketua Eksekutif





GEMILANG 55

PROFIL KORPORAT

SEJARAH AWAL PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN KLB

Koperasi Ladang Berhad (KLB) ditubuhkan pada 7 Januari 1970 di bawah Akta Koperasi dengan nama Sharikat Kerjasama Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad. Keanggotaannya pada awalnya terbuka kepada pekebun kecil getah dengan tanah 7 ekar ke bawah yang menyertai skim 'Rancangan Tanam Baru Berkelompok' (RTBB) di bawah Rancangan Malaysia Ke-Dua.

Pada awal penubuhannya, KLB dengan lebih 18,000 anggota, ditubuhkan untuk meningkatkan sosio-ekonomi pekebun kecil getah luar bandar. KLB memulakan operasinya di Bangunan Getah Asli, Jalan Ampang, Kuala Lumpur, dan beroperasi di situ dari tahun 1980 di bawah kepimpinan Pengerusi pertamanya, Tuan Haji Mohd Yusof Mahmud. Pada tahun 1999, KLB berpindah ke ibu pejabat baharu di Wisma Peninsula, Setiawangsa, Kuala Lumpur.

Sharikat Kerjasama Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad ditukar nama kepada Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad pada 20 Mac 1982. Kemudian, pada 20 Ogos 2019, nama tersebut ditukar kepada Koperasi Ladang Berhad, sejajar dengan hala tuju baharu koperasi yang berfokus kepada sektor perladangan kelapa sawit dan pertanian.





MODEL KOPERASI KLB

Tujuan

MISI

Menjadi sebuah koperasi yang **efisien dan profesional** di dalam melaksanakan perniagaannya bagi memastikan ia dapat memberikan **pulangan** ke atas **pelaburan yang maksimum** kepada anggota

Aktiviti Utama

- Pengurusan ladang
- Input pertanian
- Ternakan lembu integrasi
- Tapak semaian
- Pembangunan estet & dron

Sumber Utama

- Modal insan yang kompeten dalam pengurusan ladang
- Ladang sawit seluas 6,647 ekar

Manfaat Anggota

- Dividen
- Tabung Pendidikan
- Tabung Derma dan Pemberian Tertentu

PERSPEKTIF SEKTOR

Manfaat anggota – **pengusaha ladang** Input pertanian pada harga yang kompetitif dan berkualiti

Tadbir Urus

Pengasingan kuasa antara Lembaga dan Pengurusan

Struktur pentadbiran:
15 ALK dipimpin oleh Pengerusi

Jawatankuasa Audit Dalaman

Struktur Pengurusan:
63 staf diketuai oleh Ketua Eksekutif

Keanggotaan & Komuniti

Keanggotaan:
2,855 Disember 2024

Pada tahun 1970, keanggotaan dibuka kepada pekebun kecil getah dengan tanah seluas 7 ekar ke bawah yang menyertai skim 'Rancangan Tanam Baru Berkelompok' (RTBB) di bawah Rancangan Malaysia Kedua

Struktur Modal

- Modal saham
- Pendapatan daripada aktiviti perniagaan

Nilai Ekonomi, Sosial dan Persekitaran

Nilai Ekonomi

Pendapatan >RM85 juta setahun



Nilai Sosial

Keupayaan memenuhi polisi Kerajaan-gaji & fasiliti pekerja ladang & staf, infrastruktur yang kondusif, kemudahan bukan kewangan kepada anak anggota & spektrum jaringan strategik yang luas




Nilai Persekitaran

Kredit karbon dan biodiversiti



PERUBAHAN DAN PERISTIWA PENTING

Perspektif Organisasi dan Korporat



2019
- 2020

Penjenamaan Semula
2.0 - Penukaran nama
kepada Koperasi
Ladang Berhad (KLB)
dan pengenalan logo
baharu koperasi



RINGKASAN LATAR BELAKANG KLB

Sebagai badan perniagaan,
KLB menjadikan keuntungan
sebagai objektif utama dan
memastikan prestasinya
sekurang-kurangnya setara
dengan industri.

– Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli,
Pengerusi KLB

Koperasi Ladang Berhad (KLB), salah satu koperasi kluster besar di Malaysia, terus memacu kejayaan dan pertumbuhan dalam sektor perladangan di bawah kepimpinan Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli (Pengerusi) dan Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin (Ketua Eksekutif). Kerjasama erat antara Pengerusi dan Ketua Eksekutif telah membentuk pasukan yang saling menyokong dalam memastikan hala tuju yang jelas dan strategi yang efektif. Visi dan strategi yang dirangka pada tahun 2002 menjadi asas kukuh kepada transformasi dan kejayaan berterusan KLB, menjadikannya peneraju dalam industri perladangan Malaysia.





Paksi KLB adalah meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan memaksimumkan sumber yang ada serta memastikan setiap usaha menghasilkan kualiti tinggi.

– Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin,
Ketua Eksekutif

Melangkah dengan keyakinan dan dedikasi, KLB terus berkembang pesat sebagai peneraju dalam perladangan kelapa sawit seluas 6,647 ekar, disokong oleh 63 kakitangan profesional yang berdedikasi. Kejayaan ini tercapai melalui **strategi pemisahan kuasa** yang jelas antara Lembaga Koperasi dan Bahagian Pengurusan, memastikan setiap keputusan dilaksanakan dengan semak dan imbang yang mantap. Keberhasilan KLB dalam meraih pengiktirafan sebagai salah satu daripada 100 koperasi terbaik Malaysia, serta berada dalam kalangan 10 koperasi terbaik selama tiga tahun berturut-turut, mencerminkan kecemerlangan koperasi ini dalam sektor perladangan dan koperasi.



SI TERBAIK WILAYAH PERSEKUTUAN 2024

LADANG BERHAD



VISI

Menjadi sebuah koperasi yang berjaya dan unggul di dalam sektor perladangan dan lain-lain aktiviti hiliran yang berkaitan dengan sektor perladangan

MISI

Menjadi sebuah koperasi yang efisien dan profesional di dalam melaksanakan perniagaannya bagi memastikan ia dapat memberikan pulangan ke atas pelaburan yang maksimum kepada anggota

TERAS STRATEGIK

Pembangunan
Keupayaan Sumber
Manusia dan Teknologi

- Memberikan latihan kepada pegawai dan kakitangan mengikut keperluan
- Meningkatkan keupayaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT)
- Memberikan imbuhan yang kompetitif kepada kakitangan untuk memastikan motivasi tinggi dan mengelakkan pengaliran keluar kemahiran (*brain drain*)

Pengukuhan Kecekapan
Operasi dan Pengurusan

- Tumpuan hanya dalam aktiviti perladangan dan kegiatan berkaitan dengan pertanian
- Meningkatkan keupayaan sistem perakaunan untuk memantau dan menganalisa prestasi setiap unit perniagaan secara bulanan
- Melaksanakan pembahagian kuasa antara Lembaga dan Pengurusan bagi mewujudkan semak dan imbang yang kukuh
- Membuat perbelanjaan modal yang boleh meningkatkan kecekapan, hasil, dan mengurangkan kos dalam jangka masa panjang
- Memastikan proses penjualan dan perolehan dilaksanakan dengan telus untuk mendapatkan harga terbaik dan mengelakkan peningkatan kos
- Memastikan proses perolehan (*procurement*) dilaksanakan dengan telus bagi mengelakkan peningkatan kos kepada koperasi disebabkan ketidakjujuran

Strategi Pengukuhan
Rangkaian &
Keberdayaan Projek

- Meningkatkan perhubungan awam untuk memastikan hubungan baik dengan pembekal, pengguna, dan agensi berkaitan
- Memastikan daya maju projek dikaji dengan mendalam, mengambil kira semua faktor, terutamanya faktor pasaran



PENGERUSI KLB (1970 HINGGA KINI)



Tuan Haji Mohd Yusof Mahmud

1970-1980



Tuan Haji Mohd Isa Ibrahim Shah

1981



Dr. Haji Mohd Rashid Ahmad

1982-1985



Datuk Haji Mazlan
Haji Jamaluddin

1986-2000,
2006



Dato' Haji Mohd Salleh
Haji Tahir

2001-2005,
2007-2017



Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli

2018 - Kini

SENARAI JAWATAN UTAMA ANGGOTA LEMBAGA KLB (1970 HINGGA KINI)



SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohd Sahman
Duriat



PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Damanhuri
Mohd Jamli



BENDAHARI

Tuan Haji Ahmad
Ab. Majid

2009 - 2012

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Dato' Haji Aliasak Haji Ambia

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2013 - 2016

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohamed Shah Haji Lasim

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2017

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2018 - 2022

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli

SETIAUSAHA

Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2022 - 2024

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli

SETIAUSAHA

Encik Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris

BENDAHARI

Tuan Haji Ahmad Ab Majid

2001

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Dato' Haji Aliasak Haji Ambia

BENDAHARI

Tuan Haji Wahid Haji Azahari

2002-2003

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Dato' Haji Aliasak Haji Ambia

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2004 - 2005

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Tuan Haji Nasrullah Khan N. Khan

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

2006

PENGERUSI

Datuk Haji Mazlan Haji Jamaluddin

SETIAUSAHA

Dato' Haji Aliasak Haji Ambia

BENDAHARI

Tuan Haji Daud Itam Raffar

2007 - 2008

PENGERUSI

Dato' Haji Mohd Salleh Haji Tahir

SETIAUSAHA

Dato' Haji Aliasak Haji Ambia

BENDAHARI

Tuan Haji Kamaruddin Mohamed

1985

PENGERUSI

Dr. Haji Mohd Rashid Ahmad

SETIAUSAHA

Tuan Haji Abdul Kadir Bahrom

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

1986

PENGERUSI

Datuk Haji Mazlan Haji Jamaluddin

SETIAUSAHA

Tuan Haji Abdul Kadir Bahrom

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

1987 - 1994

PENGERUSI

Datuk Haji Mazlan Haji Jamaluddin

SETIAUSAHA

Encik Zaaba Haji Abdul Hamid

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

1995

PENGERUSI

Datuk Haji Mazlan Haji Jamaluddin

SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

BENDAHARI

Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin

1996-2000

PENGERUSI

Datuk Haji Mazlan Haji Jamaluddin

SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

BENDAHARI

Tuan Haji Wahid Haji Azahari

1981

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Isa Ibrahim Shah

SETIAUSAHA

Tuan Sheikh Awadz Sheikh Abdullah

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Rashid Ahmad

1981

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Isa Ibrahim Shah

SETIAUSAHA

Tuan Haji Mohd Rashid Ahmad

BENDAHARI

Dr. Sabri Mustafa Afifi

1982 - 1983

PENGERUSI

Dr. Haji Mohd Rashid Ahmad

SETIAUSAHA

Tuan Haji Abdul Kadir Bahrom

BENDAHARI

Dr. Sabri Mustafa Afifi

1983 - 1984

PENGERUSI

Dr. Haji Mohd Rashid Ahmad

SETIAUSAHA

Tuan Haji Abdul Kadir Bahrom

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Nor Maidin

1970 - 1979

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Yusof Mahmud

SETIAUSAHA

Encik Mohd Zain Haji Yahya

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Rouse Haji Mohd Amin

1980

PENGERUSI

Tuan Haji Mohd Yusof Mahmud

SETIAUSAHA

Tuan Sheikh Awadz Sheikh Abdullah

BENDAHARI

Tuan Haji Mohd Rashid Ahmad


BIODATA PENERUS

Haji Mohd Damanhuri Bin Mohd Jamli merupakan seorang tokoh koperasi yang berpengalaman luas dalam sektor perladangan. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Koperasi Ladang Berhad (KLB) pada tahun 2018 dan telah memainkan peranan penting dalam memacu kecemerlangan koperasi sehingga mencapai pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional.

Berpendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi Sumber) dari Universiti Pertanian Malaysia (1979–1982) serta Diploma Pertanian dari institusi yang sama (1972–1975), beliau turut menerima Sijil Kepujian Tahun Akademik 1980/81. Selain itu, beliau melengkapkan Sijil Pengaturcaraan di Institut Teknologi MARA, Shah Alam (1991–1992) dan menamatkan pengajian menengah di Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi (1970–1972).

Sepanjang kerjaya beliau, Haji Mohd Damanhuri telah menyandang pelbagai jawatan penting termasuk Ketua Eksekutif Ladang Rakyat Terengganu, Pengurus Besar Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad, serta Pengarah Eksekutif PK Agricultural Services Sdn. Bhd. Beliau kini turut memberi khidmat sebagai perunding pembangunan ladang seluas ±30,000 ekar di Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia.

Beliau turut aktif dalam gerakan koperasi melalui pelbagai peranan kepimpinan yang signifikan. Sejak tahun 2022, beliau memegang jawatan sebagai Presiden *Malaysia Oil Palm Nurseries Association* (MOPNA), selain menerajui Federasi Koperasi Perladangan Berhad sebagai pengerusi sejak tahun 2022. Komitmen beliau dalam memperkasa dasar dan ekosistem koperasi turut terserlah menerusi pelantikan beliau sebagai Anggota Majlis Perundingan





Koperasi Kebangsaan (MPKK) bagi tiga penggal iaitu 2019–2021, 2023–2025 dan 2025–2027. Di samping itu, beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah TDM Plantations serta sebagai anggota Jawatankuasa Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd), memperkukuh lagi peranan beliau dalam pembangunan sektor koperasi secara menyeluruh.

Di bawah kepimpinan beliau, KLB telah meraih pelbagai pengiktirafan yang mencerminkan kecemerlangan pengurusan dan keberkesanan strategi pembangunan koperasi. Antara pencapaian utama KLB termasuk:

- Senarai Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia:
Tempat Ke-5 (2024)
Tempat Ke-9 (2023)
Tempat Ke-10 (2022)
Tempat Ke-12 (2021)
- Anugerah Sektor Perladangan Terbaik
Peringkat Kebangsaan 2022
- Koperasi Terbaik Wilayah Persekutuan –
Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani 2022
- Koperasi Terbaik Sektor Perladangan oleh
SKM (2021)

Kejayaan KLB sebagai salah satu koperasi terbaik di Malaysia turut diperkukuh dengan kepimpinan bersepadu di peringkat Lembaga dan Pengurusan. Pada tahun 2024, Haji Mohd Damanhuri bin Mohd Jamli telah menerima Anugerah Tokoh Koperasi Wilayah Persekutuan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Pengiktirafan ini merupakan penghormatan atas sumbangan beliau dalam memperkasa gerakan koperasi serta memimpin hala tuju strategik KLB secara konsisten dan berkesan.

BIODATA KETUA EKSEKUTIF

Mohd Tarmizi bin Mohd Nordin merupakan Ketua Eksekutif Koperasi Ladang Berhad (KLB) yang berpengalaman luas dalam sektor perladangan. Dengan lebih 33 tahun pengalaman, beliau telah melalui pelbagai peringkat jawatan sejak tahun 1992 sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar pada tahun 2013 dan jawatan berkenaan ditukar pada Ketua Eksekutif pada 2019. Kepimpinan beliau telah membawa KLB mencatatkan pencapaian cemerlang, termasuk berada dalam kelompok 10 koperasi terbaik di Malaysia. Berbekalkan kelulusan dalam bidang Pengurusan Harta dan Penilaian dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), beliau sentiasa menekankan aspek kecekapan operasi, integriti dalam pengurusan dan strategi pertumbuhan mampan sebagai teras kepada kejayaan koperasi.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau berjaya memperkukuh reputasi KLB melalui pelbagai pengiktirafan di peringkat nasional, termasuk Anugerah Aktiviti Perladangan Terbaik dan Anugerah Laman Web Terbaik Koperasi. Beliau juga telah memperluaskan peranan KLB ke peringkat antarabangsa melalui khidmat konsultansi dalam pembangunan tanah seluas ±30,000 ekar di Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia. Selain itu, beliau juga terlibat dalam aktiviti untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil melalui NGO yang diktiraf oleh kerajaan, iaitu Persatuan Kebangsaan Pekebun-Pekubun Kecil Malaysia. Beliau merupakan Bendahari persatuan ini dari tahun 1995 hingga tahun 2015. Dengan visi yang jelas dan pendekatan pengurusan yang strategik, beliau terus menjadi salah seorang pemimpin utama dalam membawa KLB ke arah pencapaian yang lebih tinggi dan relevan dalam landskap koperasi masa kini.







ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (SESI 2024-2025)

TUAN HAJI MOHD DAMANHURI MOHD JAMLI 30/06/2015 ALK 01/06/2016 SETIAUSAHA 21/11/2018 PENERUSI	TUAN HAJI MOHD SAHMAN DURIAT 01/10/2018 ALK 01/10/2024 SETIAUSAHA	TUAN HAJI AHMAD AB. MAJID 18/06/2009 ALK 21/09/2022 BENDAHARI
ENCIK MOHD SYAHRULLAIZAM MOHAMAD ARIS 01/06/2016 ALK 21/11/2018 SETIAUSAHA 01/10/2024 ALK	TUAN HAJI HUSSEIN HAJI KASIM 23/02/2011 ALK	TUAN HAJI RAHIM HAJI HARUN 03/07/2019 ALK
ENCIK JALIL AB AZIZ 14/05/2019 ALK	TUAN HAJI ABD SAMAH JAMAL 01/06/2016 ALK	PUAN ROKANAH SUKRIN 16/12/2020 ALK
ENCIK YUSOFF AZUDIN MAIDIN 16/12/2020 ALK	TUAN HAJI MOHAMAD SHARIMAN ALANG AHMAD 02/04/2021 ALK	ENCIK ZULKIFLI MAHMOOD 21/10/22 ALK
TUAN HAJI MUSTAFFA RAMLI 21/10/22 ALK	TUAN HAJI MOHAMAD YUSOF DERAMAN 21/10/22 ALK	ENCIK AHMAD NIZAM BAHARUDIN 16/03/2023 ALK



BAHAGIAN PENGURUSAN : KETUA UNIT



MOHD TARMIZI MOHD NORDIN
Ketua Eksekutif
Tarikh Mula Berkhidmat : 20 Jan 1992



MUHAMAD SHAHRIMAN RAMLI
Naib Ketua Eksekutif
Tarikh Mula Berkhidmat : 2 Ogos 1994

MAZHAN OTHMAN ABDULLAH
Ketua Unit Pentadbiran
Tarikh Mula Berkhidmat : 11 Mac 1999

MOHD KHAIRUL RIDZWAN
MOHD SHAHRIRI WASI
Pengurus Pemasaran
Tarikh Mula Berkhidmat : 16 Feb 2011

MAZLAN ABDUL SAMAD
Pengurus Kewangan
Tarikh Mula Berkhidmat : 03 Jan 1994

NOR ADZUAN MOHAMAD
Pengurus Perlindungan
Tarikh Mula Berkhidmat : 18 Sep 2018

AFZANIZAM ISMAIL
Pengurus Hartanah Jentera & Tenaga Kerja
Tarikh Mula Berkhidmat : 02 Jan 1998


MOHD RASYIDEEN NORRNI @ NORANI
Pengurus Ladang Sungai Ambat
Tarikh Mula Berkhidmat : 01 Julai 2009

MOHAMAD ARIFF ISMAIL
Pegawai Penjaga Ladang Bukit Keramat
Tarikh Mula Berkhidmat : 16 Mac 2010

SALIM SAMSUDIN
Pegawai Penjaga Ladang Sejana
Tarikh Mula Berkhidmat : 19 Sep 2022


AKTIVITI EKONOMI KLB

KLB komited terhadap prinsip tadbir urus yang baik dalam setiap aspek perniagaan. Berlandaskan nilai-nilai koperasi, KLB memperkukuh pengurusan dan memperluas portfolio perniagaan, terutamanya dalam sektor perladangan dan pertanian. Langkah strategik ini bukan sahaja memacu pertumbuhan koperasi tetapi juga menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi anggota dan komuniti secara mampan.



Sementara itu, aktiviti perladangan kelapa sawit merupakan penyumbang utama kepada pendapatan keseluruhan koperasi. Justeru, untuk mencapai kelestarian, KLB mematuhi piawaian *Code of Good Agricultural Practices (GAP)*, yang seterusnya membawa kepada peningkatan produktiviti, hasil pengeluaran, dan pendapatan koperasi yang lestari.

Pada tahun 2018, KLB menjadi koperasi pertama yang menerima pensijilan *Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO)* daripada Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia, satu pencapaian penting dalam sejarah KLB.



Rajah: Model Perniagaan KLB & Perladangan yang Lestari

Perladangan Kelapa Sawit sebagai Teras Ekonomi KLB

Perladangan kelapa sawit merupakan sumber pendapatan utama KLB, merangkumi aktiviti pengurusan estet serta pembelian dan penjualan Buah Tandan Segar (BTS). Sejak 1 Ogos 1996, KLB telah menguruskan ladang-ladang ini dan mencatat sejarah sebagai koperasi pertama di Malaysia yang memperoleh pensijilan MSPO pada tahun 2018.

Pada masa ini, KLB menguruskan tiga ladang kelapa sawit di tiga negeri :

- Ladang Bukit Keramat, Bahau, Negeri Sembilan – 1,235.10 ekar
- Ladang Sungai Ambat, Mersing, Johor – 4,856.73 ekar
- Ladang Sejana, Jeli, Kelantan – 555.48 ekar

Ladang Bukit Keramat dan Ladang Sungai Ambat dibangunkan di bawah Rancangan Tanam Baru Berkelompok (RTBB) pada awal 1970-an, manakala Ladang Sejana kini sedang dipulihkan bagi tujuan pemulihan operasi yang lebih lestari. Ketiga-tiga ladang ini diuruskan

mengikut piawaian GAP dan telah menerima pensijilan *Code of Good Agricultural Practices for the Oil Palm Estates and Smallholdings (CoGAP)* daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sebelum pensijilan MSPO dikuatkuasakan. Hasil daripada pelaksanaan amalan pengurusan baik ini, mulai tahun 2017 pengeluaran kelapa sawit (*yield*) adalah sekurang-kurangnya 20%, melebihi purata pengeluaran Malaysia membuktikan keberkesanan pendekatan KLB dalam mengurus ladang secara mampan dan produktif.

Strategi Mampan Melalui Integrasi Perladangan

KLB mengorak langkah dalam mempraktikkan perladangan mampan melalui pelaksanaan model integrasi perladangan. Dengan mengintegrasikan aktiviti penternakan lembu di ladang kelapa sawit, KLB bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi ladang tetapi juga mencipta impak positif yang menyeluruh kepada ekonomi dan alam sekitar. Pendekatan inovatif ini menjadi bukti komitmen KLB terhadap pembangunan perladangan yang lestari.





Manfaat Kos Operasi

Penternakan lembu di ladang membolehkan KLB mengurangkan kos meracun sebanyak 30%. Ia juga membantu mengawal pertumbuhan rumpai secara semula jadi, sekali gus mengurangkan penggunaan bahan kimia dan menurunkan kos operasi secara signifikan.


Impak Ekonomi

Penternakan lembu bukan sahaja menjimatkan kos operasi ladang tetapi juga membuka peluang ekonomi baharu. Melalui pasaran jualan lembu, terutamanya semasa musim perayaan seperti Hari Raya Aidil Fitri dan Hari Raya Korban, koperasi memperoleh nilai ekonomi tambahan yang memperkukuh sumber pendapatan.

Impak Alam Sekitar

Pendekatan integrasi perladangan membawa manfaat besar kepada biodiversiti dan kelestarian ladang KLB. Selain itu, *biomass* daripada kotoran lembu meningkatkan kualiti tanah, menjadikan ladang lebih produktif dan mesra alam.

Dengan langkah ini, KLB bukan sahaja memaksimumkan hasil ladang tetapi juga memperkukuh peranan sebagai peneraju dalam amalan perladangan mampan yang menyumbang kepada dasar sekuriti makanan negara, ekonomi, sosial, dan alam sekitar secara berterusan.



Perniagaan Input Pertanian

Perniagaan input pertanian KLB dimulakan pada 2002 dengan perolehan RM100,000, dan pada 2023, ia mencapai perolehan tertinggi sebanyak RM42 juta.

– Tuan Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli,
Pengerusi KLB



Prestasi Penjualan Input Pertanian bagi Tahun 2016-2024

Tahun	Jumlah Jualan (RM)
2016	RM 18,105,603.02
2017	RM 23,873,398.55
2018	RM 16,905,992.59
2019	RM 17,473,602.75
2020	RM 21,480,172.80
2021	RM 23,537,398.78
2022	RM 41,510,571.46
2023	RM 41,962,283.39
2024	RM36,902,987.75

Perniagaan input pertanian yang diusahakan oleh KLB sejak 2002 telah menjadi salah satu penyumbang utama kepada pendapatan koperasi. Dengan menawarkan pelbagai keperluan perladangan dan pertanian, KLB berjaya mempelbagaikan sumber pendapatan, mengurangkan kebergantungan kepada satu sumber, dan memastikan kestabilan aliran tunai.

Pendapatan daripada penjualan input pertanian menjadi salah satu kekuatan kewangan KLB, membolehkan koperasi terus menyokong aktiviti perladangan utama seperti kelapa sawit. Perniagaan ini bukan sahaja menjamin kelestarian kewangan jangka panjang tetapi juga memperkukuh daya saing dan kestabilan koperasi sebagai peneraju dalam sektor perladangan.



Aktiviti Tapak Semaian


Di Ladang Sungai Ambat, Mersing, Johor, KLB melaksanakan aktiviti pengurusan tapak semaian kelapa sawit seluas 28 ekar. Inisiatif ini bertujuan menghasilkan anak-anak sawit berkualiti tinggi bagi menyokong keperluan pekebun kecil tempatan. Mematuhi piawaian *Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN)* dan disahkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia, inisiatif ini menyumbang kepada kelestarian rantai bekalan dan keselamatan makanan, sejajar dengan permintaan global terhadap amalan perladangan mampan.






Prestasi Aktiviti Ekonomi Utama KLB

Prestasi pengeluaran hasil ladang (*yield*) merupakan antara indikator utama kecekapan pengurusan perladangan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2024, KLB menunjukkan pengeluaran hasil yang membanggakan jika mengambil kira faktor topografi ladang yang berbukit, *soil series* yang dikategorikan sebagai *marginal land*, usia tanaman dan cuaca setempat dengan pencapaian mencecah 26 tan metrik per hektar (2024). Prestasi ini adalah baik di mana ia mengatasi purata nasional yang kekal sekitar 16.7 tan metrik per hektar dalam tempoh yang sama. Peningkatan ini adalah hasil pelaksanaan **amalan agronomi yang baik, pemantauan ladang berasaskan data, penerapan teknologi moden seperti penggunaan dron, sistem *Geographic Information System (GIS)* dan program pengairan bersepadu serta kembali kepada amalan asas perladangan seperti *walk the fields***. Pencapaian ini membuktikan bahawa koperasi tempatan juga mampu mencapai tahap kecekapan yang setaraf dengan ladang-ladang komersial milik konglomerat besar di Malaysia. Kecemerlangan prestasi hasil ini turut menyumbang kepada keuntungan keseluruhan koperasi dan menjadi asas kepada pemberian dividen yang lebih tinggi kepada anggota.



Prestasi hasil yang didorong oleh data, teknologi dan amalan ladang yang baik — menjadikan KLB setanding dengan ladang komersial utama.
Sumber: KLB (2024).





Pertumbuhan dividen KLB: Cerminan kekuatan kewangan dan komitmen terhadap kesejahteraan anggota.

Impak Kewangan Kepada Anggota

Selain daripada kecemerlangan operasi ladang dan kedudukan koperasi di peringkat nasional, keberkesanan sesebuah koperasi juga dapat diukur melalui nilai pulangan yang disumbangkan semula kepada anggotanya. Bagi KLB, pemberian dividen kepada anggota bukan sahaja menjadi petunjuk prestasi kewangan, malah mencerminkan keupayaan koperasi dalam menjaga nilai bersama.

Sejak tahun 2003, KLB telah menunjukkan pertumbuhan dividen yang amat memberangsangkan. Daripada hanya 3% pada awal 2000-an, dividen terus meningkat dari semasa

ke semasa, mencecah 15% pada tahun 2016 dan melonjak sehingga 50% pada tahun 2022. Trend peningkatan pemberian dividen kepada anggota dari tahun 2013 hingga 2023, seperti yang dipaparkan, menggambarkan komitmen berterusan KLB dalam mengagihkan hasil kekayaan secara adil, seimbang, dan mampan kepada seluruh warganya.

Peningkatan ini adalah hasil daripada strategi perniagaan yang mampan serta pengurusan sumber yang cekap dan berintegriti.



GEMILANG 55

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN

PENCAPAIAN PRESTASI DAN PENGIKTIRAFAN KOPERASI

KEWANGAN & PRODUKTIVITI

Pinjaman bank dilunaskan
RM9 juta
Pelaburan hartanah (2006)



Pendapatan Input Pertanian dari RM100k (2002) melonjak ke

RM42 juta
(2023)



Dividen Anggota 2020-2023

20%
50%



Keuntungan dari RM1 juta (2019) melonjak ke

RM17 juta
(2023)



Produktiviti “yield” KLB meningkat dari 2014, lebih dari purata “yield” Malaysia (Good Agriculture Practices)

20%



Pertumbuhan Pendapatan Perladangan 2019 - 2023

100%



Sumber: KLB (2024)





ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN: SEKTOR KOPERASI & PERLADANGAN

2018 - Koperasi pertama menerima pensijilan

MSPO



100 Koperasi terbaik 2024

Tempat ke 5

(peringkat wilayah & kebangsaan)



Pemain Industri Agromakanan di Negeri Johor 2022



Tapak semaian sawit telah menerima pensijilan

Code of Good Nursery Practice




Tersenarai dalam MAWIP sebagai

20 Majikan Terbaik 2024



Mentor

kepada koperasi-koperasi lain dalam projek berkaitan perladangan





ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN: PERINGKAT ANTARABANGSA

Konsultan projek
tanaman sawit seluas
30,000 ekar
di Palembang,
Indonesia




Kolaborasi strategik
antarabangsa
Syarikat Timab
Magnesium dari Perancis
dan IFFCO, pembekal
baja terbesar di India



Sebelum



Selepas







GEMILANG 55

TRANSFORMASI TADBIR URUS

ISU & CABARAN TADBIR URUS

KLB pernah melalui detik-detik sukar, termasuk krisis kewangan pada 1997/1998 dan kerugian besar sebanyak RM7,528,777 pada tahun 2002. Krisis ini berpunca daripada kelemahan dalam tadbir urus, khususnya pengurusan pelaburan yang tidak teratur serta ketiadaan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas dalam proses pembuatan keputusan perolehan dan pelaburan. Situasi tersebut memberi impak yang besar, menyebabkan KLB tidak berupaya memberikan dividen secara konsisten kepada anggotanya sebelum tahun 2003.



Rajah: Kumpulan Wang Anggota KLB Bagi Tahun 2002 & 2024





Rajah: Tren Pemberian Dividen oleh KLB dalam Peratusan

Namun, semangat untuk bangkit telah mendorong KLB memperkuat dasar tadbir urus serta merangka strategi perniagaan yang lebih sistematik dan mampan. Meskipun penubuhan tiga anak syarikat memberikan cabaran tambahan dari sudut pengurusan dan sumber, pendekatan pemulihan yang berstrategi serta pengurusan yang cekap berjaya meletakkan koperasi ini kembali pada landasan pertumbuhan.

Usaha penstrukturan semula dan pendekatan korporat yang berkesan telah menghasilkan pertumbuhan pendapatan dan keuntungan yang konsisten. Sejak tahun 2003, KLB mengekalkan rekod keuntungan berterusan, mencerminkan kecekapan tadbir urus dan kestabilan kewangan koperasi. Sepanjang tempoh tersebut, Kumpulan Wang Anggota mencatat peningkatan ketara — daripada RM43.35 juta pada tahun 2002 kepada RM81.54 juta pada tahun 2024.

Dengan kedudukan kewangan yang semakin kukuh, KLB berjaya mengagihkan dividen kepada anggota secara berterusan setiap tahun. Pada tahun 2022, koperasi mencatat pencapaian membanggakan apabila kadar dividen mencecah sehingga 50%, selain pelbagai manfaat tambahan yang turut dinikmati oleh anggota dan kakitangan.

Momentum kecemerlangan ini diteruskan pada tahun 2024 apabila KLB merekodkan keuntungan terkumpul sebanyak RM26.27 juta, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai antara peneraju koperasi ladang yang berjaya di Malaysia.

LANGKAH STRATEGIK: MENANGANI ISU TADBIR URUS

Penstrukturan Semula

Bagi memperkukuh tadbir urus, KLB melaksanakan strategi pembahagian kuasa yang jelas antara Lembaga dan Pengurusan, memastikan wujudnya sistem semak dan imbang yang kukuh. Struktur pentadbiran KLB kini disokong oleh tiga jawatan utama iaitu Pengerusi, Setiausaha, dan Bendahari, yang memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan tadbir urus koperasi serta memperkukuh proses pembuatan keputusan secara strategik.

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (SESI 2024-2025)

 SETIAUSAHA HAJI MOHD SAHMAN DURIAT (ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA) WAKIL SELANGOR	 PENGERUSI HAJI MOHD DAMANHURI MOHD JAMLI (ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA) WAKIL W. P. KUALA LUMPUR	 BENDAHARI HAJI AHMAD AB MAJID (ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA) WAKIL MELAKA
 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MOHD SYAHRULLAIZAM MOHAMAD ARIS (ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA) WAKIL BEBAS	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI ABD. SAMAH JAMAL WAKIL NEGERI SEMBILAN	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YUSOFF AZUDIN MAIDIN (ANGGOTA JAWATANKUASA KERJA) WAKIL PULAU PINANG
 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI HUSSEIN HAJI KASIM WAKIL BEBAS	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI RAHIM HAJI HARUN WAKIL KEDAH	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI AHMAD NIZAM BAHARUDIN WAKIL PAHANG
 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI JALIL AB AZIZ WAKIL BEBAS	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI MOHAMAD SHARIMAN ALANG AHMAD WAKIL PERAK	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ROKANAH SUKRIN WAKIL JOHOR
 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI MOHAMAD YUSOF DERAMAN WAKIL TERENGGANU	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI ZULKIFLI MAHMOOD WAKIL KELANTAN	 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI HAJI MUSTAFFA RAMLI WAKIL BEBAS

Dengan kepemimpinan strategik dan kerjasama erat, Anggota Lembaga Koperasi KLB memastikan setiap keputusan yang diambil tidak hanya selari dengan visi dan misi koperasi, tetapi juga memberi manfaat yang menyeluruh kepada anggota, masyarakat, dan industri.




Peranan Jawatankuasa Audit Dalaman sebagai tunjang kepada tadbir urus koperasi yang cemerlang


KLB terus berpegang teguh kepada prinsip beretika dan mampan dalam setiap langkah operasi. Dengan memberi tumpuan kepada peningkatan efisiensi, produktiviti, dan hasil ladang, KLB berjaya mengurangkan kos operasi dengan berpegang kepada prinsip undang-undang dan etika yang tinggi. Pendekatan ini membuktikan komitmen koperasi untuk terus berkembang dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

Efisien, hasil yang tinggi & kos yang efektif



**CARTA ORGANISASI
PENGURUSAN & KAKITANGAN
KOPERASI LADANG BERHAD**





KOPERASI LADANG BERHAD

Selain daripada mematuhi dasar gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan sejak tahun 2013, koperasi juga turut memberikan bayaran insentif lain yang bukan sahaja memastikan kesejahteraan pekerja, tetapi juga meningkatkan motivasi dan kestabilan tenaga kerja. Ini secara langsung menyumbang kepada peningkatan produktiviti di ladang, menjadikan KLB sebagai sebuah entiti yang berdaya saing dan progresif.

Melalui fokus yang kukuh terhadap kecekapan pengurusan ladang, pelaburan dalam teknologi moden, dan amalan terbaik, KLB terus menjadi contoh kepimpinan dalam sektor koperasi. Transformasi ini, yang berpandukan kepada tadbir urus yang baik, telah berjaya dilaksanakan oleh bahagian pengurusan dan pentadbiran KLB. Dengan strategi yang jelas dan berkesan, KLB bukan sahaja mampu menghadapi cabaran global, tetapi juga memastikan operasi ladang tetap berdaya saing, mampan, dan bertanggungjawab terhadap persekitaran.



Rajah: Polisi Alam Sekitar & Biodiversiti serta Polisi-Polisi Berkaitan

Semua ini selaras dengan visi KLB untuk menjadi sebuah koperasi yang berjaya dan unggul dalam sektor perladangan, serta aktiviti hiliran yang berkaitan. KLB bertekad untuk terus memperkukuhkan kedudukan sebagai peneraju dalam pengurusan koperasi yang berkualiti tinggi, sambil memberi impak positif kepada ekonomi dan masyarakat melalui amalan perladangan yang mampan dan bertanggungjawab.



KLB terus membuktikan keunggulannya apabila tersenarai dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik Malaysia selama lima tahun berturut-turut. Kejayaan ini membuka peluang yang luas untuk mengurus ladang sawit koperasi lain (2011-2022), menjadi Agensi Pelaksana bagi projek pembangunan ladang seluas 3,200 hektar di Dungun, Terengganu (2009-2017), hinggalah memberikan khidmat nasihat pembangunan ladang sawit seluas 30,000 ekar di Palembang, Indonesia.

Pengiktirafan dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik

2024	➤	Tempat Ke-5
2023	➤	Tempat Ke-9
2022	➤	Tempat Ke-10
2021	➤	Tempat Ke-12
2020	➤	Tempat Ke-23







PENGURUSAN LADANG - MODERNISASI DAN ASPIRASI

KEJAYAAN KLB DALAM PENGURUSAN LADANG KELAPA SAWIT

Kejayaan KLB bukan hanya bergantung kepada infrastruktur dan teknologi, tetapi turut didorong oleh komitmen serta sikap proaktif pekerja ladang. KLB sentiasa memastikan setiap isu ditangani dengan berkesan, selaras dengan moto KLB, *'Done Right'* untuk hasil ladang yang optimum. Hasilnya, produktiviti meningkat dan kadar *'turnover'* pekerja rendah, sekitar 1% setahun.

– Encik Mohd Tarmizi Mohd Nordin, Ketua Eksekutif

KLB dalam pengurusan ladang kelapa sawit telah melonjakkan reputasinya ke tahap cemerlang, meraih pelbagai pengiktirafan dalam negara. Kejayaan ini turut menarik minat syarikat-syarikat, dari dalam dan luar negara, untuk mempelajari teknik-teknik dan amalan terbaik yang diterapkan oleh KLB. Dengan memberi tumpuan kepada kecekapan pengurusan ladang, pelaburan dalam teknologi moden, dan penerapan amalan terbaik, KLB terus menjadi ikon kepimpinan dalam landskap sektor koperasi.

Pendekatan inovatif dan berorientasi teknologi ini bukan sahaja membolehkan KLB mengatasi cabaran global, malah memastikan operasi ladang tetap berdaya saing, mampan, dan sejajar dengan visi jangka panjang KLB. Kejayaan ini terbukti melalui prestasi pengeluaran hasil tanaman sawit yang luar biasa, melangkaui pengeluaran purata per hektar industri perladangan sawit di Malaysia.



Faktor Utama Pengeluaran (*Yield*) Sawit yang Tinggi

Sistem Pengairan
Air yang Berkesan

Infrastruktur dan Sistem
Perhubungan Ladang
yang Moden

Pemetaan Ladang
yang Sistematis

Pengurusan Pekerja
Ladang yang Baik

Inovasi &
Mekanisasi Perladangan

Ternakan
Lembu Integrasi

**Produktiviti
Tinggi**

- Lonjakan hasil sawit ladang KLB meningkat melebihi 20 tan metrik per hektar bermula tahun 2015
- Hasil Ladang KLB dengan konsisten mengatasi purata pengeluaran (tan metrik per hektar) hasil industri Malaysia



A) Sistem Pengairan Air Yang Berkesan

Air merupakan elemen kritikal dalam memastikan pengeluaran hasil kelapa sawit yang tinggi. Musim kemarau, terutamanya semasa fenomena cuaca seperti *El-Nino*, sering menyebabkan kekurangan air, yang boleh menjejaskan produktiviti sawit. Bagi menghadapi cabaran ini, KLB telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan sistem pengairan bersepadu yang berfokus kepada pengumpulan air (*water harvesting*) dan pemasangan pam air mesra alam yang menggunakan tenaga solar dan kinetik. Inisiatif ini telah berjaya membantu meningkatkan hasil tanaman sawit secara signifikan sejak ia dilaksanakan secara sistematik pada penghujung tahun 2016.



i) Sistem Pengairan Air Pasif (Water Harvesting)

Kaedah/Fungsi

- Kolam Kecil (*Mini Dam*)
Pembinaan *mini dam* atau kolam kecil di lurah bukit untuk memerangkap air
- Lubang Air (*Silt Pit*)
 - 8x2x2 kaki
 - Membina lubang air (*silt pit*) di kawasan berbukit untuk mencerap air hujan
 - Satu lubang air untuk setiap 4 batang pokok kelapa sawit

Impak Positif

- Mengurangkan kesan hakisan tanah terutamanya pada musim hujan
- Mampu menyimpan kelembapan selama tempoh 2 minggu bergantung kepada jenis tanah
- Meningkatkan kelembapan tanah di kawasan bukit
- Mengurangkan kesan musim kemarau yang melanda tanaman kelapa sawit
- Menggalakkan pembentukan bunga betina (*female inflorescent*)
- Meningkatkan berat tandan & bilangan tandan per pokok



Mini Dam



Silt Pit

ii) Sistem Pengairan Air Aktif - Pam Air Tenaga Solar

Kaedah/Fungsi

- Menggunakan kuasa solar untuk mengepam dan mengalirkan air ke puncak bukit
- Kaedah yang mudah diselenggara yang menggunakan 3 jenis pam air dan boleh digunakan untuk semua kawasan ladang KLB

Impak Positif

- Memperluaskan kawasan pengairan di dalam ladang
- Kos selenggara yang rendah dan menjimatkan kos operasi
- Melembapkan tanah dan meningkatkan pengeluaran hasil tanaman sawit



iii) Penggunaan Alat *Shakerator*

Kaedah/Fungsi

- Alat penyubur tanah yang dipasang pada belakang traktor yang direka untuk meningkatkan pengudaraan tanah, saliran dan pertumbuhan tanaman
- Menambah kadar penyerapan air melalui proses penggemburan tanah dimana tanah yang padat dipecahkan dan gumpalan tanah yang keras dihancurkan
- Dilakukan sekali dalam masa 3 tahun sebelum musim hujan

Impak Positif

- Mengurangkan masalah larian air permukaan (*water runoff*) terhadap baja yang ditabur
- Memberi pengudaraan serta ruang untuk penyerapan baja dan air
- Kelembapan mudah diserap dengan mudah kedalam tanah dan meningkatkan kesuburan tanah
- Membantu meningkatkan hasil tanaman sawit tan per hektar



B) Infrastruktur dan Sistem Perhubungan Yang Moden

KLB memahami bahawa infrastruktur yang mantap merupakan asas kepada pengurusan ladang yang cekap dan berkesan. Seiring dengan keperluan semasa, KLB telah melabur dalam pembangunan jaringan jalan yang strategik serta menyediakan teknologi dan kemudahan internet di

kawasan ladang. Inisiatif ini bukan sahaja mempercepatkan proses pengumpulan data, malah memudahkan perkongsian maklumat secara pantas dan tepat. Hasilnya, operasi ladang menjadi lebih tersusun, responsif dan berdaya saing dalam menghadapi cabaran industri yang semakin kompleks.

Kaedah/Fungsi	Impak Positif
• Sistem jaringan jalan - Sistem jaringan perhubungan ladang melalui pembinaan jalan, jambatan dan parit sempadan ladang yang dibina secara sistematik bagi memudahkan pergerakan di dalam ladang	• Aktiviti-aktiviti ladang menjadi lebih berkesan dan cekap (kos efektif) • Banyak kawasan ladang dapat dicapai oleh pekerja untuk kerja membaja, meracun dan menuai • Mengurangkan kerosakan infrastruktur yang menyebabkan operasi ladang tergendala • Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem mekanisasi seperti penggunaan jentera di ladang • Memudahkan kerja pemantauan dan pengeluaran hasil yang lebih mampan
• Teknologi internet - Ladang KLB kini dilengkapi dengan kemudahan internet bersatelit dan juga sistem teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini - Perkongsian data, laporan dan sistem perakaunan di ladang dapat dihubungkan terus kepada <i>Server</i> yang terletak di Ibu Pejabat	• Meningkatkan kecekapan pengurusan ladang melalui perkongsian data yang pantas • Mempertingkatkan sistem perkongsian dan penyimpanan data secara atas talian • Membolehkan aplikasi <i>Internet Of Things</i> di ladang seperti <i>Online Biometric Thumbprint</i> dan <i>Cloud Database Weather Station</i> untuk pemantauan ladang yang lebih berkesan • Memudahkan pekerja menghubungi kaum keluarga mereka pada bila-bila masa yang diperlukan



Pemetaan Pintar untuk Pengurusan Ladang yang Efisien

KLB terus menunjukkan komitmen terhadap pengurusan ladang yang inovatif dengan menggunakan teknologi pemetaan moden. *Geographic Information System (GIS)*, *Global Positioning System (GPS)* dan dron telah menjadi alat utama dalam pengumpulan dan analisis data, membolehkan pemetaan yang lebih tepat dan menyeluruh. Hasilnya, KLB dapat merancang dan memantau operasi ladang dengan lebih berkesan, memastikan setiap keputusan dibuat berdasarkan data yang kukuh. Pendekatan ini mencerminkan visi KLB untuk menjadi peneraju dalam pengurusan ladang kelapa sawit mampan.



Ladang Bukit Keramat

Ladang Sg Ambat

Ladang Sejana

Kaedah/Fungsi

Pemetaan Ladang

- Kajian guna tanah dan persempadanan blok agronomi untuk memastikan penggunaan tanah yang efisien, pengurusan tanaman yang berkesan, serta pemeliharaan kualiti tanah dalam jangka panjang
- Mengenalpasti kawasan bermasalah (pengeluaran hasil rendah) dan penambahbaikan secara spesifik dapat dibuat dengan segera

Pemetaan Aset Biologi dan Sistem GPS/GIS

- Dron digunakan untuk mencerap data bilangan pokok sawit
- Penilaian ke atas setiap dirian pokok di dalam ladang iaitu:
 - Bancian setiap tandan, pelepah dan pengeluaran buah setiap pokok
 - Berat tandan dan hasil yang dikeluarkan oleh setiap pokok



Impak Positif

- Meningkatkan keberkesanan dan kecekapan pengurusan ladang
- Mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti secara signifikan
- Data yang dicerap juga digunakan untuk mempertingkatkan amalan pengurusan, dan memastikan pengurusan ladang yang lestari
- Membudayakan amalan *Walk the Field* dikalangan pegawai ladang bagi meningkatkan kualiti kerja pemantauan dan pengurusan ladang dimana segala pergerakan mereka direkodkan oleh alatan GPS

**Luas
(Hektar)**
1,496

**Rekod Ladang
(Sehektar)**
136

**Rekod Semasa
(Sehektar)**
118

Perbezaan 18 pokok sehektar = RM403,920

- Nilai lebihan/penjimatan kos baja

Hasil pemetaan bilangan pokok kelapa sawit, pembaziran dapat dielakkan dan kos operasi berkurang

C) Inisiatif KLB untuk Menangani Cabaran Tenaga Kerja

Produktiviti setiap pekerja adalah asas kepada kejayaan KLB.

Dengan pendekatan strategik yang menekankan keperluan dan penyelesaian yang praktikal, KLB berkembang menjadi organisasi yang dinamik dan berdaya saing.

Bekalan tenaga kerja yang mencukupi memainkan peranan penting dalam memastikan pengeluaran kelapa sawit yang mampan. Menyedari cabaran seperti kekurangan pekerja dan kos tenaga kerja yang tinggi, KLB telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasinya. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah menawarkan sistem gaji yang kompetitif serta menyediakan kemudahan asas seperti perumahan dan kawasan rekreasi. Inisiatif ini bukan sahaja menarik tenaga kerja berkualiti tetapi juga memastikan kesejahteraan pekerja diutamakan, selaras dengan nilai-nilai mampan yang dipegang KLB.



Kaedah/Fungsi

- Membawa masuk pekerja ladang yang mencukupi dengan nisbah keluasan ladang (1 orang : 8 hektar)
- Membaik pulih perumahan ladang untuk keselesaan kakitangan dan pekerja ladang
- Membina infrastruktur dan fasiliti untuk kemudahan kakitangan dan pekerja ladang
- Menawarkan sistem gaji kompetitif dan faedah menarik seperti insuran kemalangan
- Sesi penerangan atau dialog diantara pihak pengurusan dan pekerja ladang
- Penglibatan pegawai ladang/mandor dalam setiap proses aktiviti perladangan supaya pemantauan kerja yang lebih berkualiti terhadap pekerja

Impak Positif

- Membina suasana tempat kerja yang harmoni dan persekitaran yang selesa supaya pekerja lebih fokus dan bersemangat untuk bekerja
- Meningkatkan kecekapan pengurusan untuk menyelenggara keseluruhan kawasan tanaman di dalam ladang
- Tiada isu kekurangan pekerja yang kritikal, *turnover* pekerja adalah kecil iaitu sekitar 1% setahun
- Mengoptimumkan produktiviti pekerja - kecekapan pekerja meningkat dengan kapasiti tenaga dan lokasi kerja yang sama (proses kerja lebih efisien)
- Kesejahteraan pekerja terpelihara - menjaga reputasi dan imej KLB sebagai majikan yang perihatin dan bertanggungjawab
- Pekerja ladang berdedikasi dan komited hasil daripada pemantauan yang berkesan



D) Inovasi & Mekanisasi Perladangan

KLB terus meneroka inovasi dengan menerapkan teknologi mekanisasi dalam pengurusan ladangnya. Proses kerja yang dahulunya memerlukan tenaga kerja intensif kini disokong oleh peralatan moden, jentera, dan teknologi mekanikal yang

praktikal. Keberkesanan ini terbukti dengan peningkatan kecekapan sekitar 30%, memperkukuh daya saing KLB dalam industri kelapa sawit. Langkah ini menandakan era baharu perladangan moden yang lebih efisien dan mampan.

Kaedah/Fungsi	Impak Positif
• Bantuan jentera untuk aktiviti perladangan seperti mengangkut buah, membaja dan meracun • Fungsi jentera atau peralatan mekanikal yang terlibat dalam aktiviti pengurusan perladangan	• Meningkatkan kecekapan, produktiviti ladang, dan keberkesanan operasi serta pengeluaran hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang tinggi • Dapat mengurangkan bilangan pekerja dalam kumpulan penuai • Pengurangan kos pekerja sebanyak 20% dan membantu menangani isu kesukaran untuk mendapatkan tenaga kerja • Meringankan beban kerja dan meningkatkan produktiviti pekerja



Fertilizer Spreader
Alat ini disambungkan kepada traktor dan digunakan untuk menabur baja di dalam ladang (kawasan rata dan beralun)



Motor Roda Tiga

Digunakan untuk memungghah buah dari bawah pokok ke tepi jalan/platform - Juga digunakan untuk menabur baja di dalam ladang



Jentera Grabber + Scissor Lift Trailer

- Jentera *Grabber* akan memungut buah yang telah disusun oleh kumpulan penuai di tepi jalan di dalam blok ladang
- Jentera *Grabber* menuang buah ke dalam *Bin Trolley* yang diletakkan di dalam blok penuaian

Jentera Hooklift + Bin Trolley

Jentera *Hooklift* akan menarik *Bin Trolley* yang telah dipenuhi buah untuk dibawa ke jambatan timbang, sebelum dikumpulkan di ramp



Jentera Hooklift & Jambatan Timbang

Jentera *Hooklift* akan menarik *Bin Trolley* yang telah dipenuhi buah untuk akan di bawa ke jambatan timbang, dan dikumpulkan di ramp



Ramp/Tempat Pengumpulan Buah

Buah dikumpulkan di ramp sebelum diambil oleh pengangkut luar untuk dihantar ke kilang



E) KLB Memacu Amalan Pertanian Mampan Melalui Perladangan Bersepadu

KLB telah melaksanakan ternakan lembu integrasi dalam ladang sawit sejak tahun 2007. Lembu dilepaskan dalam ladang untuk meragut rumput yang tumbuh secara semula jadi, memanfaatkan sumber ladang tanpa memerlukan input tambahan yang besar. Kaedah ini bukan sahaja mengurangkan kos operasi tetapi turut menyumbang kepada keseimbangan ekosistem ladang.

Pendekatan ini menjadi model bagi kelestarian, selaras dengan piawaian tinggi pasaran antarabangsa yang menuntut amalan mesra alam. Melalui usaha ini, KLB tidak hanya memacu kejayaan ekonomi tetapi juga membawa impak positif kepada pemeliharaan biodiversiti dan alam sekitar.

Kaedah/Fungsi

- Lembu dilepaskan untuk memakan rumput atau pelbagai jenis tanaman yang sesuai tumbuh di bawah kelapa sawit dan sekitar ladang
- Ladang kelapa sawit yang mempunyai ruang yang luas memberikan peluang untuk lembu meragut rumput secara semula jadi
- Biomass dari kotoran lembu boleh digunakan sebagai baja organik untuk meningkatkan kesuburan tanah dan memberikan nutrien kepada pokok kelapa sawit

Impak Positif

- Membantu mengawal pertumbuhan rumpai di bawah pokok kelapa sawit
- Mengurangkan keperluan untuk penggunaan racun perosak (30%) dan bahan kimia yang boleh mencemarkan alam sekitar
- Peluang ekonomi dan nilai tambah kepada KLB – Lembu mendapat permintaan tinggi pada musim raya korban
- Meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kos operasi





ASPIRASI KLB KE ARAH PERLADANGAN LESTARI

Dengan menekankan kecekapan pengurusan ladang, pelaburan dalam teknologi moden, serta amalan terbaik, KLB terus menjadi model kepimpinan dalam landskap koperasi, khususnya dalam bidang perladangan. Pendekatan ini tidak hanya membolehkan KLB menghadapi cabaran global, tetapi juga memastikan operasi ladang kekal berdaya saing dan mampan, sejajar dengan visi KLB. Komitmen KLB dalam memenuhi agenda kelestarian alam sekitar seiring dengan

usaha Kerajaan mencapai matlamat sifar bersih karbon seawal 2050 diterjemahkan melalui inisiatif ekonomi hijau seperti program Kredit Karbon dan penghasilan Biochar.

Inisiatif ini bukan sahaja menyokong usaha pemuliharaan alam, malah turut memperkukuh daya saing minyak sawit Malaysia di pasaran antarabangsa, khususnya di negara-negara maju.



Kredit Karbon

KLB kini sedang giat meneroka peluang untuk berdagang dalam pasaran kredit karbon, sebuah platform yang membolehkan entiti perniagaan seperti KLB menjana kredit karbon melalui aktiviti offset karbon. Langkah ini bukan sahaja menyumbang kepada pengurangan jejak karbon dalam operasi perladangan, tetapi juga menyokong usaha global untuk menangani perubahan iklim. KLB turut merancang untuk menceburi bidang perniagaan yang berkait rapat dengan ekonomi rendah karbon (*low-carbon economy*), selaras dengan sasaran yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih (*net-zero carbon emissions*) menjelang tahun 2050. Inisiatif ini mencerminkan komitmen KLB terhadap kelestarian alam sekitar dan pembangunan mampan.

Biochar dan Pelet Hitam Biomass

Biochar dan pelet hitam *biomass* adalah bahan yang dihasilkan melalui pembakaran bahan organik, seperti sisa pertanian (termasuk tandan kosong kelapa sawit), sisa ladang, atau kayu, pada suhu tinggi tanpa oksigen. Biochar mempunyai potensi besar dalam meningkatkan kualiti tanah manakala pelet hitam *biomass* pula merupakan alternatif kepada penggunaan arang batu bagi mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (GHG). KLB kini berada di peringkat akhir pelaksanaan inisiatif ini dengan sokongan daripada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di mana pada peringkat pertama biochar dijangka akan mula dikeluarkan mulai bulan Ogos 2025. Dalam masa yang sama, pada masa ini rundingan sedang dilaksanakan dengan pembeli di luar negara untuk pengeluaran pelet hitam *biomass*. Sekiranya berjaya, produk biochar dan pelet hitam *biomass* ini akan menjadi nilai tambah yang berharga kepada perniagaan KLB, sekaligus menyokong usaha kelestarian dan operasi perladangan yang mampan serta sumbangan kecil koperasi kepada penjagaan alam sekitar.



GEMILANG 55

GALERI


















Sidang Redaksi

Koperasi Ladang Berhad

dengan Kerjasama

Institut Koperasi Malaysia

 www.koperasi-ladang.com

 www.ikma.edu.my

Penasihat

Haji Mohd Damanhuri Mohd Jamli

Penulis

Dr. Zurita Mohd Saleh

Zuraini Sulaiman

Sidang Editor

Haji Mohd Sahman Duriat

Haji Ahmad Ab Majid

Mohd Syahrullaizam Mohamad Aris

Mohd Tarmizi Mohd Nordin

Muhamad Shahrman Ramli

Mazhan Othman Abdullah

Sharina Abdullah

Nasrul Hadi Ab Patah

Direka, Dihasilkan & Dicitak oleh

Mimesis Sdn. Bhd.

B-10-19, Nu Empire Subang, Jalan
SS16/1, SS16, Subang Jaya, 47500,
Selangor Darul Ehsan.

 www.mimesis.com.my

